



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Anugerah Pengajar Cemerlang

Tahun 2005

ANUGERAH PENGAJAR CEMERLANG

1. PENGENALAN

Universiti dalam usaha menyahut Wawasan 2020, harus lebih terbuka dalam erti kata ia lebih responsif terhadap tuntutan daripada majikan dan bakal graduan (pelajar) yang menjadi pengguna utama pendidikan yang ditawarkan. Universiti tidak boleh kekal terpisah dalam menara gadingnya bersendirian. Mereka perlu bekerjasama antara satu sama lain ke arah membentuk identiti yang lebih progresif, dinamik dan lebih berpengaruh.

Khusus untuk perubahan dalam amalan akademik dan peningkatan mutu pengajaran dan seterusnya menggalakkan segala usaha mengajar yang bermutu di kalangan para akademik. Dengan kata lain, adalah perlu sesebuah universiti itu memikirkan secara terancang langkah-langkah untuk mengenalpasti, menganalisis dan seterusnya mengiktiraf secara rasmi usaha-usaha pengajaran yang berkesan, bermutu serta inovatif.

2. RASIONAL ANUGERAH

UKM perlu menginstitusikan amalan anugerah pengajar cemerlang atas sebab-sebab berikut:-

- 2.1 Langkah ini adalah satu bukti yang konkrit bahawa UKM memandang serius tentang kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan bukti bahawa UKM sedia mengorak langkah ke arah perubahan dan inovasi bagi amalan-amalan yang sedia ada. UKM seperti universiti-universiti lain di Malaysia, yakin bahawa pengajaran yang berkualiti pastinya akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, usaha yang dinamik dan teknik terkini yang dapat menarik pelajar haruslah diiktiraf dan dimaklumkan secara rasmi kepada masyarakat sebagai penghormatan.
- 2.2 Usaha mengadakan perubahan dalam pengajaran, terutamanya yang bercorak inovatif, memakan masa yang panjang, dan tindakan untuk tujuan ini diambil oleh pelbagai pihak dalam bermacam-macam cara. Langkah mengiktiraf secara rasmi pengajaran yang baik menyokong usaha-usaha lain yang sedang dilakukan oleh pelbagai pihak di UKM. Pengiktirafan ini dapat dianggap sebagai kemuncak kepada segala usaha yang dijalankan ke arah meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di universiti ini.

- 2.3 Selain menggalakkan peningkatan mutu pengajaran, pengiktirafan secara rasmi ini akan mempupuk sifat akauntabiliti yang diwajibkan ke atas semua institusi pengajian tinggi. Matlamat utama atau misi universiti adalah untuk mengeluarkan graduan yang berguna kepada negara, cekap berkhidmat dalam bidang pilihannya, peka dan mampu menangani keperluan semasa negara serta dirinya sendiri, dan mempunyai sifat-sifat keinsanan yang tinggi. Apabila universiti mempunyai akauntabiliti serta mampu mengeluarkan graduan sebegini, barulah celaan, kritikan dan sebagainya yang sering dilemparkan kepada universiti dan tenaga pengajarnya dapat dipertahankan.

3. OBJEKTIF ANUGERAH

Secara am tujuan anugerah ini ialah untuk menggalakkan perubahan yang inovatif lagi berkesan di UKM, ke arah kecemerlangan pengajaran. Ia menggalakkan pembaharuan institusi secara keseluruhan. Secara khusus, rancangan ini akan:

- 3.1 Memaklumkan kepada masyarakat universiti khususnya dan masyarakat luar amnya bahawa di UKM, terdapat pengajaran yang bermutu di kalangan pengajarnya. Penerima anugerah yang diiktiraf adalah contoh yang cemerlang.
- 3.2 Menggariskan ciri-ciri pengajaran dan pengajar yang dianggap bermutu dan dengan itu membantu pensyarah lain ke arah memahami dan menghayati piawai yang dituju di samping mendorong mereka supaya lebih bersungguh-sungguh dalam tugas utama mereka ini.
- 3.3 Memulakan satu tradisi ke arah penilaian segala usaha yang dijalankan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu mekanisme kawalan mutu dalam pengajaran.

4. DEFINISI KONSEP UTAMA

- 4.1 **Pengajaran:** Konsep ini ditafsirkan dengan luas. Ia merujuk bukan sahaja kepada proses mengajar dengan tujuan menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang disiplin Ilmu tertentu tetapi merangkumi juga proses membimbing, memberi tuturan dan membantu dengan apa cara juga ke arah melahirkan graduan yang berketerampilan.
- 4.2 **Pengajar:** Konsep ini merangkumi semua jenis pengajar yang terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Selain pensyarah (termasuk profesor), ia merangkumi juga guru bahasa dan tutor. Di mana kabur, konsep ini terpulang kepada setiap Fakulti untuk memberi tafsiran dan justifikasi penggunaan konsep.

- 4.3 **Pengajar Cemerlang:** Penentuan pengajar cemerlang ini berfokuskan ciri-ciri pengajaran yang bermutu. Antara lain, pengajar ini telah menunjukkan perancangan dan penyampaian yang baik, penyampaiannya menimbulkan minat dan menggalakkan pelajar untuk belajar, interaksi antara pensyarah dan pelajar adalah dinamik, mesra dan positif. Pengajaran disampaikan mengikut rangka masa yang ditetapkan, beberapa alat bantuan digunakan dalam proses pengajarannya dan terdapat pula pelbagai cara untuk menilai prestasi pelajarannya.

Ciri-ciri terperinci yang diambil kira dapat dilihat daripada instrumentasi pemilihan calon.

5. LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN

Anugerah ini dibuka kepada semua pengajar termasuk kepada profesor/profesor kontrak di setiap fakulti. Pemilihan pengajar adalah berasaskan pencalonan yang dibuat di peringkat Fakulti oleh pelajar dan pihak pengurusan Fakulti berkenaan.

5.1 Pencalonan Pengajar

- 5.1.1 Pencalonan dibuka 2 minggu sebelum Semester II setiap sesi berakhir. Pencalonan dibuat hanya sekali bagi satu sesi, namun, pensyarah termasuk penerima anugerah, boleh dicalonkan setiap sesi.

Satu penghebahan tentang anugerah ini akan dibuat terlebih awal menerusi poster, ruang dalam Senada, Nadi Bangi dan lain-lain.

- 5.1.2 Pencalonan hanya boleh dibuat oleh pelajar Tahun Akhir menggunakan satu borang khas pencalonan yang mengikut semua kursus dalam program masing-masing.
- 5.1.3 Pelajar perlu mencalonkan 3 orang tenaga pengajar yang pernah mengajarnya tanpa mengambilkira tahun atau kursus yang dikendalikannya.

5.2 Pemilihan Awal Di Peringkat Fakulti

- 5.2.1 Setiap Fakulti akan memilih calon-calon yang layak dipertimbangkan untuk Anugerah Pengajar Cemerlang. Pemilihan dibuat oleh satu Jawatankuasa di peringkat Fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan dengan anggota terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan (yang berkenaan) dan 2 orang Profesor atau pensyarah-pensyarah kanan Fakulti.

- 5.2.2 Pemilihan adalah berasaskan prestasi pengajaran, sumbangan terhadap bidang pengajaran, interaksi dengan pelajar dan tugas-tugas yang berkaitan seperti penilaian dan lain-lain. Pertimbangan keterlibatan dalam program-program penceriaan pelajar juga dibuat berasaskan pandangan positif dan sokongan daripada rakan-rakan di Fakulti.
- 5.2.3 Pemilihan calon dibuat berasaskan kepada markah penilaian pelajar dan penilaian pihak Fakulti pada nisbah 55:45.
(55 = markah penilaian pelajar, 45 = markah penilaian fakulti)
- 5.2.4 Calon-calon yang telah disenarai pendekkan di peringkat fakulti perlu diperakukan oleh fakulti menerusi mesyuarat pengurusan fakulti.
- 5.2.5 Fakulti perlu menghantar calon terbaik kepada Jawatankuasa Anugerah Pengajar Cemerlang mengikut agihan yang telah ditetapkan (seperti di dalam lampiran).

5.3 Pemilihan Calon Di Peringkat Universiti

- 5.3.1 Semua calon Fakulti akan ditapis dan disenarai pendek berdasarkan markah yang diperolehi mengikut kriteria-kriteria yang ditentukan seperti di dalam borang PPC dan PAPC.
- 5.3.2 Jawatankuasa di peringkat Fakulti akan menilai semula pensyarah yang dicalonkan berasaskan kepada maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan pengajaran di peringkat Fakulti, misalnya Borang SSM dan keterlibatan dalam kegiatan pengajaran dan pembangunan pelajar di Fakulti. Fakulti juga perlu mengambilkira tempoh perkhidmatan seseorang pensyarah itu untuk mencapai taraf pengajar cemerlang.
- 5.3.3 Pemilihan calon dari setiap Fakulti akan dibuat oleh Jawatankuasa Anugerah Pengajar Cemerlang (JAPC) peringkat Universiti. Berasaskan kriteria tertentu yang dipersetujui calon-calon yang terpilih akan dikemukakan untuk pertimbangan Panel Pemilih Anugerah Pengajar Cemerlang (PPAPC).
- 5.3.4 Dekan atau Ketua-Ketua Jabatan yang berkenaan (wakil), akan dijemput hadir semasa pemilihan calon oleh Jawatankuasa Anugerah Pengajar Cemerlang.
- 5.3.5 Ahli Panel Pemilih haruslah merupakan pakar dalam bidang yang berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran dan penilaian di peringkat Universiti.

5.3.6 Panel Pemilih Anugerah Pengajar Cemerlang (PPAPC) di peringkat Universiti terdiri daripada ahli-ahli berikut:-

- Naib Canselor - Pengerusi
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Profesor bidang Sains dan Teknologi (Seorang)
- Profesor bidang Perubatan dan Kesihatan Bersekutu (Seorang)
- Profesor bidang Sains Sosial (Seorang)
- Profesor bidang Pengajian Islam (Seorang), dan
- Profesor bidang Ekonomi dan Pengurusan (Seorang)

5.3.7 Pemilihan pemenang adalah mengikut rumpun, iaitu Rumpun Sains, Sains Sosial dan Sains Perubatan/Kesihatan. **2** pemenang hadiah utama dan **3** hadiah saguhati setiap rumpun seperti yang diperuntukan oleh Jawatankuasa.

6. BENTUK ANUGERAH

Wang tunai dan sijil.

6.1 Sijil Khas

Satu sijil khas Anugerah Pengajar Cemerlang peringkat Universiti akan diberi kepada pemenang. Demikian juga, sijil Anugerah Pengajar Cemerlang peringkat Fakulti akan diberi kepada calon-calon yang terpilih ke peringkat akhir.

6.2 Tokoh Pengajar

Jika seseorang pengajar diiktiraf sebagai pengajar cemerlang lebih dari 3 kali dalam jangkamasa perkhidmatannya, beliau akan digelar Tokoh Pengajar dan satu upacara khas akan diadakan di mana satu latar diri mengenai Tokoh Pengajar dan kecemerlangannya akan dibaca.

7. PENUTUP

Perlaksanaan Anugerah Pengajar Cemerlang harus dinilai dari masa ke semasa kerana kesahihan serta keberkesanan sesuatu tindakan itu harus berlandaskan usaha penyelidikan dan pengumpulan data yang kemas terkini, relevan dan objektif. Untuk tujuan jangka panjang, Jawatankuasa Anugerah Pengajar Cemerlang dipertanggungjawabkan mendalami dan memperbaiki sistem penilaian di setiap Fakulti, atau untuk setiap gugusan Sains, gugusan Sastera, gugusan Ikhtisas dan lain-lain. Jawatankuasa haruslah juga merancang aktiviti-aktiviti lain ke arah mempertingkatkan mutu pengajaran dan keberkesannya.

JAWATANKUASA ANUGERAH PENGAJAR CEMERLANG

AGIHAN ANUGERAH PENGAJAR CEMERLANG MENGIKUT BILANGAN PERJAWATAN

A G I H A N S E K A R A N G							
GUGUSAN	FAKULTI/PUSAT	PERJAWATAN*	CALON	CEMERLANG	SAGUHATI	SIJIL	
SAINS SOSIAL	FEP	167	3				
	FPEND	76	2				
	FPI	113	2				
	FSSK	253	5				
	FUU	36	1				
	PPU	71	2				
			716	15	4	3	8
SAINS	FKEJ	143	3				
	FST	254	5				
	FTSM	92	2				
			489	10	2	3	5
KESIHATAN	FPERG	45	1				
	FPER	388	8				
	FSKB	139	3				
			572	12	3	3	6
			1777	37	9	9	19

* DATA PADA 31 JANUARI 2006

Tahun 2005



PENCALONAN ANUGERAH PENGAJAR CEMERLANG

Saudara / Saudari pelajar,

Assalamualaikum wwb dan salam sejahtera

Untuk meningkatkan mutu pengajaran di UKM, suatu penganugerahan “Pengajar Cemerlang” akan diadakan setiap tahun sebagai pengiktirafan kepada tenaga pengajar. Sokongan daripada saudara/i sekalian dalam hal ini amat penting.

Sila calonkan pensyarah (maksimum 3 orang) dalam borang yang disediakan yang telah mengajar saudara/i sepanjang tempoh pengajian anda yang difikirkan layak untuk dipertimbangkan sebagai pengajar cemerlang untuk sesi ini dengan mengisi borang PPC.

Terima kasih

PENSYARAH/PENGAJAR YANG SAYA CALONKAN :

1. _____

Fakulti/Pusat Pengajian/Jabatan : _____

2. _____

Fakulti/Pusat Pengajian/Jabatan : _____

3. _____

Fakulti/Pusat Pengajian/Jabatan : _____

BORANG PENCALONAN ANUGERAH PENGAJAR CEMERLANG (PPC)

Sila nilaikan aspek-aspek berikut berdasarkan jumlah maksima markah yang telah ditentukan.

Kriteria	Pensyarah 1	Pensyarah 2	Pensyarah 3
A. Pengajaran/Kuliah (60%)			
➤ Penyampaian isi pengajaran (30%) (lancar, jelas, ceria, teknik pengajaran sesuai dan menarik, bahan bantu mengajar sesuai dan berkesan).	_____ 30	_____ 30	_____ 30
➤ Persediaan dan perancangan pengajaran (10%) (menyediakan rangka kursus, menyatakan objektif pengajaran, aktiviti pembelajaran/tugasan, penilaian kursus).	_____ 10	_____ 10	_____ 10
➤ Isi kuliah (10%) (mudah difahami, relevan, menguasai ilmu terkini, mampu menerangkan konsep dan amalan).	_____ 10	_____ 10	_____ 10
➤ Keupayaan melibatkan pelajar (10%) (pusatan pelajar, berinteraksi secara baik dengan pelajar semasa pengajaran, bersedia mendengar pandangan pelajar, berupaya dan sanggup menerangkan dengan lebih luas apabila perlu).	_____ 10	_____ 10	_____ 10
B. Personaliti (30%)			
➤ Minat terhadap kepentingan pelajar/sanggup meluangkan masa untuk pelajar (10%).	_____ 10	_____ 10	_____ 10
➤ Boleh mengubahsuai pengajaran mengikut keupayaan dan keperluan pelajar (10%).	_____ 10	_____ 10	_____ 10
➤ Menggunakan masa secara optimum (Ketepatan masa) (10%).	_____ 10	_____ 10	_____ 10
C. Kegiatan dalam Hal Ehwal Pelajar (10%)			
Kegiatan dalam aktiviti pelajar termasuk kebajikan, sukan, persatuan, kaunseling, program pembinaan sahsiah dan sebagainya.	_____ 10	_____ 10	_____ 10
Jumlah Markah			

Tandatangan Pelajar : _____ Tarikh : _____

Tahun 2005